

17/09/1997

NTT beroperasi akhir tahun depan

KUALA LUMPUR, Selasa - Pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D), NTT MSC Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Nippon Telegraph and Telephone Corp (NTT) dari Jepun akan mula beroperasi di Koridor Raya Multimedia (MSC), akhir tahun depan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah NTT untuk memulakan operasi pusat R&Dnya lebih awal, menunjukkan komitmennya memberi kerjasama rapat dengan kegiatan di MSC.

Menurut Perdana Menteri, NTT sebelum ini mengadakan perjanjian dengan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) bagi membangunkan Universiti Multimedia.

"Melalui pusat R&D itu, syarikat yang mempunyai kepakaran telekomunikasi dan pengalaman serta pembangunan projek multimedia akan menyokong pembangunan MSC berdasarkan kemudahan terkini yang mereka miliki.

"Kita juga akan membuat pertukaran pelajar menerusi kerjasama dalam memanfaatkan kemudahan canggih NTT," katanya selepas melancarkan syarikat baru itu, di sini, malam ini.

Turut hadir Presiden dan Ketua Eksekutif NTT, Junichiro Miyazu; Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Othman Yeop Abdullah dan Presiden Mimos Bhd, Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen.

NTT turut mengumumkan lapan pengurus NTT MSC Sdn Bhd yang akan menggerakkan syarikat itu, diketuai Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Akio Hotta.

NTT yang memulakan operasinya di Malaysia tiga tahun lalu sebelum ini menubuhkan syarikat usaha sama dengan Telekom Malaysia Bhd dikenali Meganet Communications Sdn Bhd, bagi menyediakan kerja kejuruteraan dan perkhidmatan bagi bangunan pintar di negara ini.

(END)